

SEGERA DENGAN FAKS

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3 Klt.34 (23)
Tarikh : 21 Oktober 2015

**Ketua Pengarang
Sinar Harian**

Tuan,

MAKLUM BALAS ADUAN AKHBAR SINAR HARIAN BERTAJUK "RELA SERAH DUA ANAK KEPADA JKM" BERTARIKH 18 OKTOBER 2015, AHAD – M.S: 39 (JOHOR BAHRU)

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin memberikan maklum balas berkaitan isu yang dibangkitkan oleh Puan Zainon Abdul Hamid berkenaan permohonan gantian hilang kad pengenalan.

3. Ingin dijelaskan, berdasarkan semakan sebelum ini, pihak JPN mendapati beliau belum mengemukakan sebarang permohonan gantian kad pengenalan hilang. Berikutan itu, pihak JPN telah membantu mendapatkan pengesahan maklumat permohonan daripada Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Johor untuk permohonan gantian kad pengenalan beliau yang hilang.

4. Sehubungan dengan itu, pada 20 Oktober 2015, Puan Zainon telah hadir ke JPN Pasir Gudang bagi mengemukakan permohonan gantian kad pengenalan hilang tersebut.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)

Pegawai Perhubungan Awam,
b.p Ketua Pengarah,
Jabatan Pendaftaran Negara,
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : pro@jpn.gov.my

s.k.:
1. YBhg. Dato' KPPN
2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)
3. YBrs. Tuan TKPPN (O)
4. YBrs. Tuan TKPPN (ICT)